

PENYELIAAN

- Disertasi dibenarkan setelah calon menyempurnakan 16 jam kredit lulus dan mengumpul PNGK tidak kurang daripada 3.00.
- Penyelia Disertasi boleh dilantik dari kalangan ahli akademik dari mana-mana Fakulti sebagai penyelia dan/atau Penyelia Bersama dan/atau Penyelia Bersekutu daripada mana-mana IPTA atau institusi lain yang berwibawa untuk menyelia penyelidikan dan penyediaan disertasi.
- Penyelia Bersama/Bersekutu boleh terdiri daripada ahli akademik universiti luar dan/atau pakar dari organisasi luar.
- Perlantikan Penyelia/Penyelia Bersama/Penyelia Bersekutu hendaklah diperaku diluluskan Jawatankuasa Pengajian Siswazah (Rujuk Garis Panduan Penyeliaan Program Pengajian Siswazah UPSI untuk maklumat lebih terperinci berkaitan dengan penyeliaan).

PEPERIKSAAN DISERTASI

Disertasi akan diperiksa oleh **dua (2) orang pemeriksa dalaman** yang dilantik oleh Senat Universiti berdasarkan pencalonan dari Fakulti. Urusan pengendalian Viva diuruskan oleh Fakulti.

TEMPOH PENGAJIAN

KATEGORI PENGAJIAN	TEMPOH PENGAJIAN
Sepenuh masa	3 Semester (Disertasi di Semester 3: 24 jam kredit)
Separuh masa	4 Semester (Disertasi di Semester 3 dan 4: 12 jam kredit)

MAKLUMAT LANJUT

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak.

+ 605 450 5047/ 6000

+ 605 459 8606

info@fsk.upsi.edu.my

<http://fsk.upsi.edu.my>



SARJANA SASTERA (SEJARAH) MOD B

*"Kemanusiaan
Merentasi
Sempadan"*

UNIVERSITI
No.1
PENDIDIKAN



www.upsi.edu.my

www.facebook.com/UPSIMalaysia/

MATLAMAT PROGRAM

Program Sarjana Sastera (Sejarah) diwujudkan berdasarkan matlamat untuk melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan luas dalam bidang Sejarah. Graduan yang dilahirkan mampu menerajui masyarakat memahami dan menghayati Sejarah sepanjang hayat sejajar dengan cabaran dan pemikiran kontemporari. Program ini distrukturkan untuk membentuk lulusan dalam bidang Sarjana Sastera (Sejarah) yang menguasai kemahiran kognitif, berketerampilan dan berkebolehan dalam membimbing masyarakat selaras dengan kehendak dan keperluan negara.

SYARAT DISERTASI

Calon-calon hendaklah memenuhi syarat disertasi berikut;

- Disertasi Sarjana Pendidikan Mod B hendaklah tidak kurang dari 20,000 patah perkataan dan tidak melebihi 40,000 patah perkataan.
- Disertasi hendaklah disediakan menurut format dan gaya penulisan yang ditetapkan oleh Universiti.
- Disertasi boleh ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Abstrak hendaklah ditulis dalam kedua-dua bahasa tersebut.
- Sesuatu disertasi yang diterima untuk penganugerahan ijazah dari universiti lain tidak boleh diterima untuk penganugerahan ijazah universiti ini.

RINGKASAN KURSUS

Penyelidikan dan Kerja Kursus (Mod B)

Kursus	Bil. Kursus	Kredit	Peratus
Teras	2 x 4 kredit	8	16%
Pengkhususan	3 x 4 kredit	12	25%
Elektif	1 x 4 kredit	4	9%
Disertasi	24 kredit	24	50
Jumlah		48	100%



SENARAI KURSUS YANG DITAWARKAN

Komponen	Kod dan Nama Kursus
Teras	HST50104 Metodologi Sejarah
	HST50204 Historiografi
Pengkhususan (Malaysia)	HSM50104 Zaman Tradisional Melayu
	HSM50204 Sejarah Malaysia Zaman Peralihan
	HSM50304 Sejarah Malaysia Zaman Moden
Pengkhususan (Asia Tenggara)	HSA50104 Asia Tenggara Zaman Klasik
	HAS50204 Kolonialisasi Asia Tenggara
	HSA50304 Asia Tenggara Moden
Elektif (Malaysia) <i>*Pilih satu kursus</i>	HSA50404 Perkembangan Demokrasi di Thailand pada Abad ke-20
	HSA50504 Pembinaan Negara Bangsa di Indonesia
	HSA50604 Modernisasi di Asia Tenggara
Elektif (Asia Tenggara) <i>*Pilih satu kursus</i>	HSM50404 4 Masyarakat Muslim di Malaysia, Abad ke-19 sehingga ke-20
	HSM50504 Pembinaan Negara Bangsa
	HSM50604 Sejarah Pendidikan di Malaysia
	HSM50704 Wanita dalam Manuskrip Melayu
Projek	HSR59908 Projek Penyelidikan